

**Kerajaan Kaji Akta Hasutan - PM**  
**mStar Online**  
**April 16, 2012**  
**Oleh ARIFFUDDIN ISHAK**

**KUALA LUMPUR:** Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak pada Isnin mengumumkan kerajaan akan mengkaji semula Akta Hasutan 1948 secara komprehensif tanpa mengeneipkan sebarang opsyen.

Menurut Najib, kajian terhadap akta tersebut akan mengekalkan tiga prinsip dalam sebarang kerangka perundangan baru bagi menangani perbuatan dan perlakuan termasuk mendatangkan kebencian ataupun penghinaan serta tindakan membangkitkan perasaan tidak setia terhadap Yang di-Pertuan Agong atau mana-mana raja.

"Selain itu perundangan baru ini akan menangani perbuatan mengembangkan perasaan niat jahat dan permusuhan antara kaum atau golongan penduduk yang berlainan di Malaysia," katanya di Dewan Rakyat di sini.

Selain menurut Najib kajian semula itu bagi mengelakkan mana-mana individu mempersoal apa-apa perkara, hak, taraf, kedudukan, keistimewaan, kedaulatan atau progresif yang ditetapkan atau dilindungi oleh peruntukan Bahagian III Perlembagaan Persekutuan atau Perkara 151, 153 dan 181 Perlembagaan Persekutuan.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 untuk bacaan kali ke-2.

Hakcipta Terpelihara © 1995-2012 Star Publications (Malaysia) Bhd  
Source:

[http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2012/4/16/mstar\\_berita/20120416111426&sec=mstar\\_berita](http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2012/4/16/mstar_berita/20120416111426&sec=mstar_berita)